

NO. SOALAN : 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pemilikan ekuiti Bumiputera pada tahun 1982, 1992, 2002, 2012 dan sehingga kini. Sejauh manakah agenda pemilikan 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera mampu dicapai dalam keadaan semasa pada masa kini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik mengenai pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat yang tersedia dan dapat dikemukakan ialah bagi tahun 1983, 1992, 2002 dan 2011 sahaja. Manakala statistik tahun 2012 dan yang terkini sedang diproses. Pecahan maklumat bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut :

Nilai (RM Juta) dan Peratus (%) Pemilikan Ekuiti Bumiputera Dalam Sektor Korporat bagi Tahun 1983, 1992, 2002 dan 2011

Tahun	RM Juta	Peratus (%)
1983	9,274.7	18.7
1992	23,730.5	18.2
2002	73,161.8	18.7
2011	211,529.8	23.4

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Untuk makluman ahli YB, Kerajaan menyedari bahawa pemilikan ekuiti Bumiputera masih belum mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus. Pencapaian sasaran yang ditetapkan tersebut menjadi semakin mencabar dalam situasi ekonomi yang tidak menentu dan sukar diramalkan. Namun demikian, Kerajaan akan terus mengenalpasti langkah-langkah yang lebih berkesan daripada semasa ke semasa. Melalui strategi dan program-program yang digubal berasaskan pelan tindakan pemilikan kekayaan Bumiputera serta Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), strategi dan inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) memperluas strategi pelaburan melalui program pengukuhan ekuiti korporat oleh Ekuiti Nasional Berhad, program Skim Jejak Jaya Bumiputera, program The Baron dan mempelbagaikan portfolio pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB);
- (ii) meningkatkan pelupusan aset dan aktiviti bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) kepada usahawan Bumiputera. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penyediaan bimbingan dan latihan bersasar secara berterusan kepada Bumiputera dan akan dibantu oleh institusi kewangan dari segi kecairan aset; dan
- (iii) memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset kewangan melalui pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian unit ASB2. Dana pelaburan wakaf dan ekuiti persendirian juga akan diwujudkan melalui dana awam untuk melabur dalam syarikat berpotensi tinggi dan menguntungkan.
- (iv) mempertingkatkan pelaksanaan program-program pembangunan keusahawanan di peringkat permulaan, mikro, kecil dan sederhana melalui agensi seperti MARA, TEKUN dan sebagainya
- (v) mempertingkatkan usaha mengenalpasti dan membangunkan sistem yang mempunyai potensi keusahawanan secara bersepadu dengan membantu menyediakan program-program latihan yang sesuai, keperluan modul dan premis serta program-program pengembangan dan sebagainya.

- (vi) Menyediakan KPI agenda pemerkasaan Bumiputera bagi semua kementerian dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) supaya agenda ini dapat dihayati dan benar-benar dicapai.

Kerajaan berharap langkah-langkah yang disebutkan tadi akan membantu meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera.

Sekian, terima kasih.